

Proton perlu ketepi pertikaian peribadi

Lembaga pengarah hanya bertanggungjawab kepada pemegang saham

BH - 5/11/2006

Oleh Abdul Halim Yusoff

LEMBAGA Pengarah Proton Holdings Bhd perlu bertanggungjawab hanya kepada pemegang saham, termasuk kerajaan sebagai pemegang saham terbesarnya dan mengetepikan sebarang isu peribadi, kata Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Bhd (MSWG).

Ketua Eksekutifnya, Abdul Wahab Jaafar Sidek, berkata tugas utama lembaga pengarah dan pengurusan sesebuah syarikat untuk meningkatkan nilai pelaburan pemegang saham.

"Justeru, apa yang penting ialah lembaga pengarah (Proton) sedia ada perlu mempunyai kuasa untuk membuat keputusan kritikal berhubung pengambilan risiko yang boleh dan yang tidak boleh," katanya dalam kenyataan di Kuala Lumpur, semalam.

Kenyataan itu dikeluarkan bagi mengulas kenyataan bersama Penasihat Proton Tun Dr Mahathir Mohamad dan bekas ketua eksekutif pengeluar kereta nasional itu, Tengku Tan Sri Mahaleel Tengku Ariff kelmarin yang mempersoalkan rasional Proton menjual MV Agusta pada harga hanya satu euro (RM4.50).

Proton minggu lalu mengumumkan telah memeterai perjanjian bagi menjual 57.75 peratus kepentingannya dalam syarikat pengeluar motosikal itu kepada syarikat berpang-

kalan di Itali, Gevi Spa.

Pengambilalihan itu membabitkan Gevi mengambil alih hutang MV Agusta berjumlah 106.94 juta euro (RM478 juta), di samping menyediakan keperluan modal kerja sebanyak 32.5 juta euro (RM145.3 juta).

Proton membeli kepentingan dalam syarikat itu pada Disember 2004 menerusi pelaburan berjumlah 70 juta euro (RM367.6 juta).

Abdul Wahab berkata, isu penjualan MV Agusta itu telah membuka ruang bagi perbezaan pendapat dan ketegangan yang masih wujud antara lembaga pengarah sedia ada Proton berhubung kebebasannya apabila ia membabitkan Penasihat dan bekas ketua eksekutif pengeluar kereta nasional itu.

“Jika wujudnya konflik antara pemegang saham utama dan pemegang saham utama lain, kepentingan syarikat hendaklah diutamakan”

Abdul Wahab Jaafar Sidek
Ketua Eksekutif Badan Pengawas Pemegang

Beliau berkata, perbezaan dan ketegangan itu kelihatannya menjadi semakin serius.

"Keadaan itu menyebabkan semua pihak yang terbabit, bertanggungjawab memperjelaskan sepenuhnya secara telus bagaimana janji niaga membabitkan MV Agusta itu disempurnakan," katanya.

Abdul Wahab berkata, MSWG berpendapat sebarang keputusan penting yang dibuat oleh syarikat itu perlu 'lulus ujian' sama ada ia memberikan nilai kepada pemegang saham.

"Jika wujudnya konflik antara pemegang saham utama dan pemegang saham lain, kepentingan syarikat hendaklah diutamakan," katanya.

Beliau berkata, MSWG juga ber-

pendapat, tuding-menuding atau mempersalahkan mana-mana pihak terhadap keputusan lembaga pengarah tidak seharusnya timbul.

Katanya, ini kerana sebagai pengarah, mereka sama-sama bertanggungjawab.

"Perbezaan pendapat dan ketegangan di kalangan mereka mungkin hanya perselisihan peribadi atau kuasa yang mungkin ditujukan kepada individu tertentu.

"Bagaimana lembaga pengarah sedia ada berupaya menyelesaikan perbezaan dan tekanan ini, dan kemudian membuka jalan untuk mereka bekerja rapat dengan Penasihat adalah sangat penting demi kebaikan syarikat dan pemegang saham keseluruhannya," katanya.

Abdul Wahab juga menegaskan, sejarar matlamat utama penubuhan Proton, lembaga pengarah sedia ada dan ketua eksekutif barunya perlu meningkatkan kemampuan pengeluar kereta nasional itu dan mengekalkan prestasinya dari segi kualiti produk dan perkhidmatan pelanggan.

"Mereka juga perlu meyakinkan pemegang saham bahawa syarikat itu berada di bawah pengurusan yang baik dan di landasan yang betul," katanya.

Sementara itu, jurucakap Proton ketika dihubungi semalam menjelaskan syarikat mungkin mengeluarkan kenyataan balas secara rasmi berhubung kenyataan Dr Mahathir dan Tengku Mahaleel itu hari ini.

